

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

1. Nyatakan statistik akaun pengguna air di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut DUN dan mukim, bermula tahun 2018 hingga 2024.
 - (a) Nyatakan jumlah kutipan bil air oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) pada setiap tahun tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak mempunyai statistik akaun pengguna air di SPS mengikut DUN dan mukim. Namun, PBAPP telah mengemukakan rekod menerusi sistem iRMS berdasarkan statistik jumlah akaun pengguna mengikut kategori jenis pengguna air bagi Daerah SPS bermula tahun 2018 sehingga 2024.

Terdapat peningkatan jumlah pengguna air sebanyak 11,680 bagi kategori domestik dan 3,643 bagi kategori bukan domestik untuk tahun 2024 di Daerah SPS sekiranya dibandingkan dengan tahun 2018 dan menjadikan jumlah keseluruhan pengguna bertambah sebanyak 15,323 pada tahun 2024 sekiranya dibandingkan dengan tahun 2018. Berikut adalah statistik jumlah akaun pengguna mengikut kategori jenis pengguna air bagi Daerah SPS bermula tahun 2018 sehingga 2024:

Tahun	Seberang Perai		
	SPS		
	Domestik	Bukan Domestik	Jumlah
2018	57554	9277	66831
2019	60124	9247	69371
2020	61770	9542	71312
2021	64371	9976	74347
2022	67027	10793	77820
2023	68013	11943	79956
2024	69234	12920	82154

- (a) Jumlah kutipan bil air oleh PBAPP bagi seluruh Negeri Pulau Pinang bermula tahun 2018 sehingga 2023 adalah sebanyak RM1.9 bilion. Berikut adalah perincian kutipan bil air bagi tahun 2018 sehingga tahun 2023:

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Kutipan Bil Air (RM juta)	311	313	299	304	309	377

Sumber : Jabatan Kewangan, PBAPP

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

2. Nyatakan statistik jumlah bekalan air mentah yang diperlukan dan jumlah bekalan air mentah yang telah disalurkan ke Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut DUN, mukim dan jenis pengguna bermula tahun 2018 hingga 2024.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. PBAPP tidak mempunyai statistik jumlah bekalan air mentah yang diperlukan dan jumlah bekalan air mentah yang telah disalurkan ke Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut DUN, mukim dan jenis pengguna. Sehingga kini, Negeri Pulau Pinang telah mengabstrak sebanyak 80% sumber air mentah dari Sungai Muda setiap hari untuk pembekalan air kepada hampir keseluruhan penduduk di Negeri Pulau Pinang. Manakala, sumber air dari Sungai Kechil pula dipam terus ke Loji Rawatan Air Bukit Panchor setiap hari untuk pembekalan air di sekitar kawasan tersebut di Daerah SPS. Jumlah air terawat ini akan memberi manfaat kepada pengguna berdaftar di Daerah SPS yang berjumlah 82,154 (setakat Oktober 2024). Statistik jumlah bekalan air mentah yang diperlukan dan jumlah bekalan air mentah yang telah disalurkan ke Daerah SPS adalah seperti berikut:

Tahun	Sungai Muda (MLD)	Sungai Kechil (MLD)
2018	907	6.24
2019	933	6.08
2020	1208	5.90
2021	1192	6.82
2022	1029	6.89
2023	1089	8.14

PBAPP telah mengemukakan rekod melalui iRMS dan mendapati jumlah statistik mengikut kategori pengguna air disalurkan ke Daerah SPS adalah seperti berikut:

Tahun	Seberang Perai		
	SPS		
	Kategori Domestik	Kategori Bukan Domestik	Jumlah Pengguna
2018	57554	9277	66831
2019	60124	9247	69371
2020	61770	9542	71312
2021	64371	9976	74347
2022	67027	10793	77820
2023	68013	11943	79956
2024	69234	12920	82154

Sumber: Sistem iRMS (Jabatan Teknologi Maklumat)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

3. Berapakah jumlah aduan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri berkenaan masalah bekalan air di DUN Sungai Bakap bermula tahun 2018 hingga 2024?
- (a) Nyatakan solusi yang telah dirancang bagi menyelesaikan masalah bekalan air di DUN Sungai Bakap khususnya Mukim 5.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Berdasarkan data yang diperolehi melalui TMOOne-aduan yang diterima melalui Pusat Panggilan 24 Jam Perbadanan Bekalan Air (PBAPP), jumlah keseluruhan aduan berkenaan masalah bekalan air di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut jenis pengguna bermula tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Kebocoran	Tiada Bekalan Air	Tekanan Air Rendah	Jumlah	Catatan
2018	144	196	56	396	-
2019	296	188	47	531	-
2020	380	550	119	1,049	Covid- 19 (PKP)
2021	400	586	109	1,095	Covid- 19 (PKP)
2022	355	619	64	1,038	Insiden banjir di Baling
2023	309	361	57	727	Insiden paras Sg Muda, banjir di Baling, saluran paip Sg. Perai pecah
2024 (sehingga Okt sahaja)	343	472	81	896	Insiden paip pecah oleh kontraktor

					pihak ketiga Permatang Pauh dan Penggantian injap di LRA Sg. Dua
JUMLAH	2,227	2,972	533	5,732	

Sumber: TMOne-Aduan Yang Diterima Melalui Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP sahaja.

- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil inisiatif merangka perancangan bagi mengatasi masalah bekalan air di seluruh Pulau Pinang termasuk bagi mengatasi masalah bekalan air di DUN Sungai Bakap. PBAPP telah dan sedang melaksanakan projek-projek sebagaimana Pelan Tindakan SPS 2023 dan projek tambahan pemasangan sesalur utama yang baharu dari LRA Bukit Panchor ke Bukit Jawi Golf Resort. Berikut adalah status terkini projek-projek di bawah Pelan Tindakan SPS 2023:-

Bil	AKTIVITI/ PROJEK/PELAN MITIGASI	KOS TERLIBAT RM (JUTA)	STATUS KEMAJUAN PROJEK
1	Loji DAF 10 juta liter sehari (JLH) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor	18.6	Telah siap pada Ogos 2024.
2	"LRA Kompak" 2.4 JLH di Sungai Kerian	4.3	Dalam pembinaan.
3	"LRA Kompak" 4.0 JLH di Sungai Kerian	3.8	Dalam pembinaan.
4	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Widuri	0.83	Telah siap pada 30 Mac 2024
5	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Wellesley	0.55	Telah siap pada 30 Mac 2024
6	Dua "LRA mudah alih" di Taman Sungai Duri (Perda) dengan jumlah kapasiti 0.24 MLD	0.43	Tamat Perkhidmatan dengan pengoperasian tambahan dari LRA Bukit Panchor.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

4. Nyatakan rekod pemasangan dan penyelenggaraan jajaran paip air di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut DUN dan mukim bermula tahun 2018 hingga 2024.
- (a) Nyatakan pelan mitigasi pengagihan semula bekalan air terawat kepada pengguna sekiranya berlaku kerosakan atau kebocoran paip.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. PBAPP tidak menyimpan rekod mengenai pemasangan dan penyelenggaraan jajaran paip air mengikut DUN dan mukim. Walau bagaimanapun, dari tahun 2018 sehingga 2024, terdapat sebanyak sembilan (9) projek penggantian paip telah dijalankan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) melibatkan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM9.527 juta. Berikut adalah projek penggantian paip yang terlibat berserta jumlah kos penggantian :

Bil.	Projek	RM (juta)
1	Penggantian Paip Air Bergaris pusat 100mm Simen Asbestos Kepada DN 50mm HDPE di Jalan Cempedak - Tasek, SPS	0.471
2	Penggantian paip bergaris pusat 100mm AC kepada 150mm D.I di Jalan Batas Pinang, Sg. Aceh, SPS	1.169
3	Penggantian Paip Air Bergaris pusat 100mm AC Kepada 150mm Besi Mulur & 50mm HDPE di	0.707

	Kampung Sungai Buaya, Nibong Tebal, SPS.	
4	Penggantian Paip Air Bergaris pusat 100mm AC Kepada 150mm Besi Mulur & 50mm HDPE di Kampung Tasek Junjong, SPS.	0.335
5	Pembekalan Dan Penggantian Paip Air Bergaris pusat 300mm Keluli Lembang kepada DNn 300mm Keluli Lembang Dan Dn 50mm HDPE Di Jalan Merak 5, Taman Merak Jaya Dan Paip Air Bergaris pusat DN 100mm HDPE Kepada DN 150mm Besi Mulur Dan DN 50mm Hdpe di Lorong 2 Dan Lorong 3, Taman Murai, Simpang Ampat, SPS.	0.858
6	Penggantian Paip Bergaris pusat DN 150 Mm Simen Asbestos Kepada Paip DN 200 mm Besi Mulur Dan 63 mm HDPE Di Sepanjang Jalan Tasek, SPS.	1.793
7	Penggantian Paip Bergaris pusat DN 150 Mm Simen Asbestos Kepada Paip DN 150mm Besi Mulur Dan 63 Mm HDPE Di Jalan Kerian Kedah Dari Taman Jawi Jaya Hingga Ke Persimpangan Jalan Sungai Duri, SPS.	1.371
8	Penggantian Paip Bergaris pusat DN 300 mm Simen Asbestos kepada DN 300MM Keluli Lembang di Jalan Persekutuan FT 001 Jawi, SPS.	0.740
9	Penggantian Paip Air Bergaris pusat 100mm Simen Asbestos Kepada DN 150mm Besi Mulur Dan 63mm HDPE Di Kg. Changkat (Balik Bukit), Nibong Tebal, SPS.	2.083
	JUMLAH	9.527

Manakala bagi data cerapan yang dikemukakan oleh PBAPP melalui sistem iRMS, bilangan kes penyelenggaraan di Daerah SPS melibatkan kerja-kerja pembaikan paip dari tahun 2018 hingga 2024 (Jan 2018 sehingga 30 September 2024) adalah seperti berikut:

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Kes	5026	4595	4957	4946	4525	4800	4000

Sumber: Sistem iRMS

- (a) PBAPP telah menyediakan pelan mitigasi pengagihan semula bekalan air terawat kepada pengguna sekiranya berlaku kerosakan atau kebocoran paip melalui tindakan-tindakan berikut:

- (i) Pengaktifan *Standard of Procedure* (SOP) pelan kerja mengikut jenis gangguan bekalan air yang terlibat;
- (ii) Pengagihan air menggunakan lori tangki akan digerakkan sekiranya bekalan putus dalam tempoh masa 24 jam;
- (iii) Penempatan tangki statik diletakkan pada tempat strategik untuk memudahkan akses air kepada pengguna; dan
- (iv) Pemakluman kepada pengguna supaya menyediakan tangki simpanan dengan kapasiti satu (1) hari penggunaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

5. Nyatakan jadual kekerapan lori tangki mengisi air ke tangki sedutan baru di Taman Wellesley dan Taman Widuri semasa waktu puncak pagi dan petang.
 - (a) Selain menghantar lori tangki dan mengisi tangki statik, apakah *plan* kontingensi jangka masa pendek Kerajaan Negeri untuk mengatasi krisis air di Mukim 5?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah membekalkan tangki sedutan di Taman Widuri dan Wellesley yang beroperasi sepenuhnya pada 30 Mac 2024 dengan kapasiti masing-masing adalah 265m³ dan 208m³. Tangki tersebut telah menerima bantuan atau pengisian dari jumbo tanker yang berkapasiti 40,000 liter dengan jadual kekerapan sebanyak dua (2) kali sehari bagi mengekalkan kadar pengepaman yang berterusan.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil inisiatif melaksanakan pelan jangka masa pendek melalui Response Plan 2023 (RP SPS 2023) untuk melaksanakan projek pembinaan LRA Kompak Sungai Kerian dengan Kapasiti 6.4 JLH yang dijangka siap pada Disember 2024 dengan kos pembinaan RM7.5 Juta. Penyiapan projek ini akan menyokong kapasiti tambahan bekalan air dan mengekalkan kesinambungan bekalan air ke Mukim 5.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

6. Apakah status pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) kompak di Sungai Kerian?
- (a) Nyatakan pelan perancangan pemasangan jajaran paip daripada LRA kompak ini ke kawasan Mukim 5.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Loji Rawatan Air (LRA) Kompak Sungai Kerian ini merupakan sebahagian daripada Pelan Tindakan SPS 2023 (SPS 2023RP) bagi memenuhi permintaan air menjelang 2030 kepada penduduk Negeri Pulau Pinang khususnya di Mukim 5, Seberang Perai Selatan. Dengan Kapasiti Reka bentuk 6.4 JLH, projek ini akan meningkatkan tekanan air dan juga kapasiti air di SPS, tambahan kepada 21JLH yang disalurkan daripada LRA Bukit Panchor. Pihak PBAPP dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal di tapak adalah 65% dan projek dijangka siap pada tahun ini 2024.
- (a) Pelan Perancangan pemasangan jajaran paip daripada LRA kompak ini ke kawasan Mukim 5 melibatkan pemasangan paip sepanjang 400 meter yang akan disambung dari lokasi sistem pengepaman utama LRA Kompak ini ke paip sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

7. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air mencukupi sepanjang masa untuk para pengguna di Mukim 5, Sungai Bakap?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil inisiatif melalui Pelan Jangka Masa Sederhana di bawah Pelan Tindakan SPS 2023 dan projek Pelan Kontingensi Air 2023 (WCP 2030) bagi memenuhi permintaan air yang tinggi kepada penduduk Negeri Pulau Pinang termasuk pengguna di Mukim 5, Sungai Bakap. Berikut adalah projek-projek yang merupakan sebahagian daripada pelan mitigasi untuk memastikan bekalan air mencukupi sepanjang masa untuk para pengguna di Mukim 5, Sungai Bakap :

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	New Bukit Panchor DAF (Dissolved air flotation) WTP	Siap	10	18.6
2.	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua (additional water treatment module)	Siap	114	31
3.	LRA Kompak 2.4 JLH di Sungai Kerian	Dalam pembinaan		4.3
4.	LRA Kompak 4.0 JLH di Sungai Kerian	Dalam pembinaan		3.8

5.	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Widuri	Telah siap pada 30 Mac 2024		0.83
6.	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Wellesley	Telah siap pada 30 Mac 2024		0.55
7.	Dua LRA mudah alih di Taman Sungai Duri (Perda) dengan jumlah kapasiti 0.24 MLD	Tamat Perkhidmatan dengan pengoperasian tambahan dari LRA Bukit Panchor		0.43
8.	Pemasangan paip saluran 1800mm sepanjang 13km dari LRA Sg Dua ke Butterworth, Seberang Perai	2024		128
9.	Dumbar Reservoir dan Kompleks Pam di bahagian Pulau	2024		44
10.	LRA Mengkuang Park	2025	114	120
11.	LRA Sungai Kerian	2027	114	171
12.	Skim Pembekalan Air Sungai Perai (termasuk pra-rawatan air mentah)	2028	136	500
13.	LRA Sungai Muda	2028	114	171

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

8. Apakah status Loji Rawatan Air (LRA) mudah alih di Taman Sungai Duri Indah?
- (a) Berapakah jumlah air terawat yang telah dihasilkan dan disalurkan kepada pengguna sejak LRA ini beroperasi?
 - (b) Sejauh manakah projek ini membantu menyelesaikan krisis air di Mukim 5?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pengoperasian Loji Rawatan Air (LRA) Mudah Alih Sungai Duri telah dihentikan sepenuhnya pada 26 Mac 2024 selepas siapnya kerja-kerja menaiktaraf LRA Bukit Panchor melalui kaedah *Dissolved Air Floatation* (DAF). Kerja-kerja menaiktaraf ini telah meningkatkan kapasiti tambahan daripada 11 MLD kepada 21 MLD. LRA Bukit Panchor ini telah berjaya meningkatkan bekalan dan tekanan air di Seberang Perai Selatan. Selain itu, melalui pembinaan tangki sedutan dan sistem pengepaman di Taman Widuri dan Taman Wellesley juga turut membantu pembekalan air pada waktu puncak kepada penduduk di kawasan Sungai Duri dan sekitarnya.
- (a) Jumlah air terawat yang telah dihasilkan dan disalurkan kepada pengguna sejak LRA Mudah Alih Sungai Duri ini beroperasi adalah sebanyak lebih kurang 110,000 liter air sehari kepada pengguna di Taman Sungai Duri Indah.
 - (b) Pengoperasian LRA mudah alih ini merupakan inisiatif daripada pihak PBAPP untuk membantu menyelesaikan krisis air secara

sementara khususnya kepada pengguna di Taman Sungai Duri sementara menunggu kerja-kerja menaiktaraf LRA Bukit Panchor melalui kaedah *Dissolved Air Flootation* (DAF) dan pembinaan tangki sedutan di Taman Widuri dan Taman Wellesley disediakan oleh pihak PBAPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

9. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pasar awam di Pulau Pinang khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sentiasa berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan oleh orang awam.
- (a) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk menjayakan perancangan tersebut?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf pasar awam sedia ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pasar awam di Pulau Pinang khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sentiasa berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan oleh orang awam adalah seperti berikut:
- (i) Memastikan semua pembinaan pasar awam mematuhi piawaian dan keselamatan pembinaan yang telah ditetapkan;
 - (ii) Melaksanakan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan pasar awam sentiasa berada dalam keadaan selamat;

- (iii) Menjalankan audit terutamanya berkaitan keperluan reka bentuk sejagat di pasar awam bagi memastikan laluan akses tidak terhalang kepada orang awam dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU);
 - (iv) Menjalankan pemantauan secara berkala di pasar awam bagi mengenal pasti sebarang masalah atau kerosakan dengan lebih awal dan mengambil tindakan penyelenggaraan segera melalui kontraktor yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
 - (v) Menjalankan rondaan secara rutin bagi memastikan pasar awam sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk kegunaan orang awam; dan
 - (vi) Menyediakan bajet tahunan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan pasar awam bagi memastikan segala keperluan pembaikan dan penyelenggaraan pasar awam dapat dilaksanakan mengikut jadual demi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna.
- (a) Peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri melalui MBSP adalah sebanyak RM3.1 juta pada tahun 2024 bagi memastikan pasar awam sentiasa berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan oleh orang awam.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui MBSP juga telah mempunyai cadangan untuk menaik taraf pasar awam sedia ada di Daerah SPS. Senarai cadangan tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Menaik taraf bumbung, tempat letak kereta dan kerja-kerja berkaitan di Pasar Awam Kampung Valdor, Batu Kawan, SPS; dan
 - (ii) Menaik taraf petak penjaja dan tandas di Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, SPS.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

10. Senaraikan ladang ternakan ayam dan itik di seluruh Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Apakah status terkini kadar Tahap Sara Diri (SSL) bagi unggas di Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah ladang ternakan ayam dan itik mengikut kategori adalah seperti berikut:

LADANG TERNAKAN	JUMLAH LADANG
Ayam Pedaging	111
Ayam Penelur	40
Ayam Kampung (Kacukan)	215
Ayam Pembiak baka Pedaging	4
Ayam Pembiak baka Kampung (Kacukan)	9
Itik Pedaging	19
Itik Penelur	18
Itik Pembiak baka Pedaging	6
Itik Pembiak baka Penelur	1
JUMLAH	423

Senarai ladang ternakan ayam dan itik mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Negeri Pulau Pinang berdasarkan Bancian Ternakan Tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Kadar Sara Diri (SSR) Peringkat Negeri Pulau Pinang tidak dikeluarkan mulai Perangkaan Ternakan Tahun 2023. Justeru, maklumat hanya berpandukan SSR Malaysia sahaja. Maklumat pengeluaran komoditi ternakan unggas Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

RUJUKAN SENARAI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

DUN	KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
N1	PENAGA
N2	BERTAM
N3	PINANG TUNGGAL
N4	PERMATANG BERANGAN
N5	SUNGAI DUA
N6	TELOK AYER TAWAR
N7	SUNGAI PUYU
N8	BAGAN JERMAL
N9	BAGAN DALAM
N10	SEBERANG JAYA
N11	PERMATANG PASIR
N12	PENANTI
N13	BERAPIT
N14	MACHANG BUBUK
N15	PADANG LALANG
N16	PERAI
N17	BUKIT TENGAH
N18	BUKIT TAMBUN
N19	JAWI
N20	SUNGAI BAKAP
N21	SUNGAI ACHEH
N22	TANJONG BUNGA
N23	AIR PUTIH
N24	KEBUN BUNGA
N25	PULAU TIKUS
N26	PADANG KOTA
N27	PENKALAN KOTA
N28	KOMTAR
N29	DATOK KERAMAT
N30	SUNGAI PINANG
N31	BATU LANCANG
N32	SERI DELIMA
N33	AIR ITAM
N34	PAYA TERUBONG
N35	BATU UBAN
N36	PANTAI JEREJAK
N37	BATU MAUNG
N38	BAYAN LEPAS
N39	PULAU BETONG
N40	TELOK BAHANG

LAMPIRAN B

PENGELUARAN KOMODITI TERNAKAN UNGGAS NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020-2023

Komoditi	Perkara	2020	2021	2022	2023
Daging Ayam / Itik	SSR Malaysia (%) Daging Ayam	101.7	99.9	93.3	N/A
	SSR Malaysia (%) Daging Itik	125.2	130.6	130.8	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	79,755.13	76,553.94	93,921.02	92,965.43
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi
Telur Ayam / Itik	SSR Malaysia (%)	114.1	114.4	109.0	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Biji)	189,549,000	193,983,700	235,697,650	299,599,860
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperoleh terhad dan tidak boleh digunakan untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

11. Nyatakan statistik aduan berkenaan pencemaran bau dan masalah lalat yang berpunca daripada penternakan ayam dan itik di DUN Sungai Bakap dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Statistik aduan berkenaan pencemaran bau dan masalah lalat di DUN Sungai Bakap dari Tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

2022	2023	2024
4	6	2

- (a) Pada 1 Januari 2024, satu enakmen iaitu Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 telah mula dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang. Sebanyak enam aduan mula diterima selepas tarikh penguatkuasaan. JPV melakukan pemantauan berterusan sepanjang tahun untuk mengenal pasti ladang-ladang yang bermasalah dengan pengurusan ladang dan sisa najis sehingga menyebabkan masalah lalat.

Selain melaksanakan tindakan kompaun, JPV juga telah mengadakan pertemuan secara bersemuka untuk

membincangkan perkara yang perlu diperbaiki di ladang unggas dan menghantar notis bertulis kepada penternak dengan cadangan untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan masalah lalat di ladang unggas. Bagi pemilik ladang unggas yang tidak mahu meningkatkan pengurusan mereka sehingga masalah lalat berterusan, lesen tahun 2025 tidak akan diberikan, kompaun berterusan dan arahan pemberhentian operasi akan dikeluarkan.

Selain itu, untuk mengawal masalah lalat, JPV juga membantu pemilik ladang dengan memberi *Effective Microbes* (EM). Penternak juga dinasihatkan menambah probiotik dan EM untuk menambahbaik pengurusan tinja di sepanjang tempoh penternakan.

Dalam masa yang sama, Majlis Bandaraya Seberang Perai turut membantu dalam menyelesaikan masalah ini dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Majlis menjalankan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan ladang secara rutin dan berdasarkan aduan. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih intensif dilakukan terhadap ladang yang dikategorikan sebagai ladang berkeutamaan tinggi (*high priority*);
- (ii) Strategi eradikasi lalat berasaskan data kitaran - pemantauan dan penguatkuasaan disasarkan kepada waktu spesifik dalam kitaran pengeluaran (*harvest cycle*) yang menyumbang kepada infestasi lalat;
- (iii) Penetapan syarat yang lebih ketat dalam pelesenan premis MBSP - seperti kewajipan rekod kawalan lalat oleh penternak dan kewajipan lesen ternakan JPVPP;
- (iv) Pengeluaran notis, kompaun dan tindakan mahkamah di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang Undang Kecil yang berkaitan terhadap sebarang ketidakpatuhan; dan
- (v) Penyelarasan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dan berganda (*double action*) dengan JPVPP yang menguatkuasakan Enakmen Perladangan Unggas dan Peraturan-Peraturan di bawah enakmen.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

12. Nyatakan kawasan-kawasan yang mengalami hakisan tebing sungai di DUN Sungai Bakap.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini dan mengelakkan masalah ini daripada berulang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Pada ketika ini, terdapat lima (5) sungai-sungai yang mengalami hakisan tebing di kawasan DUN Sungai Bakap. Antara sungai-sungai yang terlibat adalah seperti berikut:-
- (i) Sungai Duri;
 - (ii) Sungai Baong;
 - (iii) Sungai Rambai;
 - (iv) Sungai Kechil; dan
 - (v) Sungai Buaya.
- (a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa projek bagi menyelesaikan masalah secara jangka masa pendek (2024) iaitu:
- (i) Kerja mendalam dan membaiki serta lain-lain kerja berkaitan di Sungai Rambai;

- (ii) Kerja-kerja menaik taraf tebing Sungai Baong dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Changkat Dain;
- (iii) Kerja-kerja menaik taraf tebing Sungai Buaya dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Besar;
- (iv) Kerja mendalam dan membaiki serta lain-lain kerja berkaitan di Sungai Duri;
- (v) Kerja mendalam dan membaiki serta lain-lain kerja berkaitan di Sungai Duri berdekatan Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Duri; dan
- (vi) Kerja-kerja membaik pulih saluran Sungai Baong di kawasan Kafa Surau Kampung Sungai Baong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

13. Apakah status terkini pembinaan Klinik Kesihatan (KK) Bandar Tasek Mutiara?
- (a) Apakah punca berlakunya kelewatan pembinaan klinik ini dan langkah kerajaan dalam mempercepatkan pembinaan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Pihak JKR Pulau Pinang selaku pegawai penguasa projek ini telah mengeluarkan notis penamatan kerja kontraktor pada 4 Disember 2023 bagi projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) [KK3] Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang memandangkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor masih belum disiapkan sepenuhnya pada tarikh jangka siap asal iaitu 23 November 2023.

Seterusnya projek menyiapkan baki kerja projek KK3 Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang telah diiklankan pada 30 Januari 2024. Keputusan Lembaga Perolehan JKR Malaysia bertarikh 7 Mei 2024 telah bersetuju untuk projek ini dipelawa semula disebabkan tiada petender yang layak untuk diperakukan (tiada lesen Sijil Kesihatan Fasiliti).

Projek menyiapkan baki kerja projek KK3 Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang diiklankan semula pada 14 Mei 2024. Surat Setuju Terima projek ini telah dikeluarkan pada 29 Oktober 2024 dan tarikh milik tapak pada 11 November 2024. Tempoh siap projek ini ialah 96 minggu dan tarikh jangka siap projek ialah pada 12 September 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

14. Nyatakan statistik aduan berkenaan gangguan binatang liar di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut kategori haiwan dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) hanya menyelaraskan aduan berkenaan gangguan anjing liar, kucing liar dan haiwan merayau seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri. Manakala gangguan haiwan / hidupan liar seperti biawak, kera, monyet, babi hutan dan lain-lain adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Statistik aduan gangguan haiwan yang berada di bawah bidang kuasa MBSP untuk Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) bermula Januari 2022 sehingga September 2024 adalah seperti berikut:

JENIS HAIWAN	TAHUN		
	2022	2023	2024
Anjing Liar	585	628	390
Kucing Liar	158	181	129
Haiwan Merayau (Lembu / Kerbau / Kambing)	26	17	33
JUMLAH KESELURUHAN	769	826	552

(a) Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MBSP untuk mengatasi masalah haiwan merayau di SPS adalah seperti berikut:

(i) Kucing dan Anjing Liar

- 1) Mengadakan operasi tangkapan harian oleh pasukan tangkapan (rutin / banciaan dan susulan aduan);
- 2) Bekerjasama dengan komuniti dan NGO setempat bagi Program *Trap Neuter Release, Manage dan Community Engagement* (TNR-M & CE) untuk kawalan pembiakan anjing;
- 3) Program pemandulan bersubsidi di klinik veterinar swasta di Seberang Perai;
- 4) Karnival Haiwan Seberang Perai yang melibatkan orang awam, agensi-agensi kerajaan, pihak universiti awam dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam memberikan kesedaran mengenai penjagaan haiwan; dan
- 5) Penglibatan MBSP dalam program-program khidmat Masyarakat (outreach) bersama-sama NGO yang berkenaan.

(ii) Haiwan Merayau

- 1) Mengadakan operasi tangkapan haiwan merayau di kawasan *hotspot* SPS;
- 2) Melakukan rondaan secara berkala dan susulan aduan di kawasan tumpuan haiwan berkeliaran merangkumi Daerah SPS;
- 3) Mengadakan operasi tangkapan haiwan merayau di kawasan *hotspot* Daerah SPS;
- 4) Mengeluarkan kompaun haiwan merayau kepada penternak yang membiarkan ternakan miliknya berkeliaran di kawasan awam;

- 5) Bekerjasama dengan wakil penternak yang berkenaan untuk penyaluran maklumat dan pematuhan kepada undang-undang MBSP; dan
- 6) Melakukan hebahan e-Poster Kesalahan Membiarkan Haiwan Merayau melalui media sosial MBSP dan juga meletakkan poster fizikal di kawasan *hotspot* haiwan merayau.

Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN juga telah melaksanakan Program Bersepadu Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar bagi tujuan menangkap kera di kawasan-kawasan aduan hidupan liar yang telah dikenal pasti pada tahun 2024. Program ini sedang berjalan dari bulan September sehingga November 2024 dengan menyasarkan jumlah tangkapan sebanyak 655 ekor kera. Program ini dijangka dapat mengurangkan masalah konflik hidupan liar iaitu kera yang mengganggu serta merosakkan harta benda penduduk Negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan SPS.

Statistik aduan gangguan haiwan yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan PERHILITAN untuk Daerah SPS bermula Januari 2022 sehingga September 2024 adalah seperti berikut:

JENIS HAIWAN	TAHUN		
	2022	2023	2024
Kera	249	343	389
Babi Hutan	76	42	16
Lain-Lain (Musang / Biawak / Beruk / Lotong / Buaya / Burung)	9	18	28
JUMLAH KESELURUHAN	334	403	433

Di samping itu, Jabatan PERHILITAN juga mengambil tindakan pengurusan konflik hidupan liar ini dengan melaksanakan kaedah-kaedah berikut:

- (i) Siasatan aduan;
- (ii) Memberi khidmat nasihat;
- (iii) Pemasangan perangkap hidupan liar

- (iv) Tangkap pindah hidupan liar yang menimbulkan konflik dan kacau ganggu;
- (v) Tembak halau; dan
- (vi) Operasi basmi musuh tanaman (kera / babi hutan).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

15. Nyatakan statistik kawasan yang mengalami masalah mendapan tanah yang berlaku di DUN Sungai Bakap bermula tahun 2018 hingga 2024.
- (a) Apakah punca utama masalah mendapan tanah ini berlaku?
 - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dan agensi-agensinya manakah yang terlibat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu mendapan tanah yang telah berlaku di beberapa kawasan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap. Kejadian ini memberi kesan kepada penduduk serta infrastruktur setempat. Perincian statistik kawasan yang mengalami masalah mendapan tanah mulai tahun 2018 sehingga tahun 2024 yang telah direkodkan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	TAHUN
1	Taman Seruling Emas	2019
2	Taman Halaman Indah	2020
3	Jalan Tasek Mutiara 8	2022
4	Taman Widuri	2024

- (a) Pihak MBSP telah mengenal pasti punca utama masalah mendapan tanah yang berlaku di kawasan DUN Sungai Bakap yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:
- (i) **Kaedah rawatan tanah (soil treatment) yang kurang sesuai:** Pemaju berkemungkinan menggunakan kaedah rawatan tanah yang tidak sesuai semasa peringkat kerja tanah di kawasan berisiko yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan dan mendapan tanah;
 - (ii) **Penutupan saluran semula jadi:** Pemaju telah menutup saluran semula jadi tanpa melakukan lencongan terlebih dahulu semasa kerja-kerja penambakan tanah dijalankan. Situasi ini menyebabkan kawasan rizab selenggaraan MBSP yang terlibat berisiko tinggi mengalami mendapan; dan
 - (iii) **Kerosakan atau kebocoran paip / utiliti:** Kebocoran pada paip utiliti seperti paip kumbahan dan paip bekalan air boleh berlaku, mengakibatkan kerosakan tambahan kepada tanah dan meningkatkan masalah mendapan. Pihak MBSP akan segera menyalurkan aduan mengenai masalah ini kepada agensi berkaitan untuk memastikan tindakan pembaikan dilaksanakan dengan segera, khususnya jika berlaku mendapan atau tanah jerlus di kawasan rizab jalan selenggaraan MBSP.
- (b) Kerajaan Negeri komited untuk mengatasi masalah mendapan tanah di DUN Sungai Bakap melalui beberapa langkah strategik yang melibatkan pelbagai agensi. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:
- (i) **Pemantauan dan kajian tanah:** Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP boleh mensyaratkan kepada pemaju supaya menjalankan kajian geoteknikal untuk mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi terhadap mendapan tanah bagi sebarang kelulusan projek pembangunan baharu sebelum memulakan pembinaan;
 - (ii) **Peningkatan sistem saluran:** Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP sedang menambah baik sistem saluran bandar terutamanya di kawasan terjejas untuk memastikan pengaliran air yang lebih baik dan mengurangkan risiko

pengumpulan air. Ini termasuklah pembinaan /naik taraf saluran dan penyelenggaraan saluran secara berkala;

- (iii) **Penguatkuasaan syarat-syarat pembinaan:** Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP akan memperketat penguatkuasaan terhadap projek pembangunan untuk memastikan pemaju mematuhi garis panduan yang ditetapkan termasuklah kaedah rawatan tanah yang sesuai;
- (iv) **Pemantauan berkala:** Pihak MBSP dari semasa ke semasa akan menjalankan pemantauan secara berkala di kawasan-kawasan perumahan dan komersial yang dikenal pasti berisiko mengalami mendapan;
- (v) **Kesedaran dan pendidikan masyarakat:** Program kesedaran dan pendidikan akan dilaksanakan untuk mendidik penduduk tentang cara mengenal pasti tanda-tanda awal mendapan tanah serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk melindungi harta benda mereka; dan
- (vi) **Tindakan segera terhadap aduan:** Pihak MBSP telah menetapkan prosedur untuk menangani aduan mengenai masalah mendapan tanah dengan kadar segera, termasuk tindakan pembaikan yang diperlukan.

Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan Negeri bertekad untuk mengurangkan risiko mendapan tanah di DUN Sungai Bakap dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan penduduk terpelihara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

16. Senaraikan tempat hotspot banjir di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut DUN.
- (a) Nyatakan statistik jumlah rumah dan bangunan yang terkesan di DUN Sungai Bakap dan nyatakan jumlah kerugian yang dialami bermula tahun 2020 hingga 2024.
- (b) Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa banjir di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Senarai *hotspot* banjir mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Daerah Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut:

BIL.	HOTSPOT BANJIR	DUN
1	Kampung Baru Simpang Ampat (Parit A1)	Bukit Tambun
2	Taman Jawi Jaya	Jawi
3	Kampung Pengkalan	
4	Kampung Titi Hitam	
5	Kampung Sanglang	
6	Taman Veerapen	
7	Kampung Sepulau	
8	Bandar Tasek Mutiara (Parit A1)	Sungai Bakap
9	Kampung Sethu	
10	Taman Sungai Duri Permai	
11	Kampung Sungai Baong	

12	Kampung Sungai Kechil	
13	Kampung Nanas	
14	Kampung Sungai Buaya	
15	Kawasan Kilang Nibong Tebal Paper Mill	

- (a) Berdasarkan kepada permohonan bantuan Tabung Bencana Negeri yang direkodkan dalam sistem *Penang Alert* dari tahun 2020 hingga 2024, sebanyak dua puluh sembilan (29) rumah/bangunan telah terkesan oleh bencana yang berlaku dalam tempoh tersebut di kawasan DUN Sungai Bakap dengan anggaran kerugian berjumlah RM183,500,00.
- (b) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM400,000.00 kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk disalurkan kepada mangsa bencana. Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000.00 dan Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian) sebanyak RM10,000.00 akan diberikan kepada mangsa yang terkesan akibat bencana.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

17. Senaraikan kawasan yang telah digazetkan untuk pengambilan tanah merah di Pulau Pinang mengikut DUN sejak tahun 2019 sehingga kini.
- (a) Apakah kriteria sesebuah bukit digazetkan sebagai kawasan pengambilan tanah merah?
 - (b) Apakah prosedur untuk proses pengambilan tanah merah di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

Pinang (PSUKPP) pada tahun 1998. Sebahagian daripada tanah kerajaan ini telah didirikan / diusahakan sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) [yang kini dikenali sebagai **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)**] Indera Timbalan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Sehingga kini, status tanah tersebut adalah masih **berstatus tanah kerajaan**.

- (b) Prosedur untuk memohon rumah kosong yang disebabkan oleh penghuni asal telah meninggal dunia, **waris kepada penghuni asal** boleh membuat permohonan kepada **PDTSPS** untuk pertimbangan Kerajaan Negeri tertakluk kepada **syarat-syarat** yang telah ditetapkan seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia (Pemohon dan isteri / suami);
 - (ii) Bermastautin di Negeri Pulau Pinang sekurang-kurangnya 5 tahun pada tarikh permohonan;
 - (iii) Berumur 21 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
 - (iv) Pengundi berdaftar di Negeri Pulau Pinang SAHAJA (Pemohon dan isteri/suami);
 - (v) Pendapatan pemohon / suami / isteri tidak melebihi RM750.00 atau pendapatan seisi sekeluarga kurang daripada RM1,500.00;
 - (vi) Tidak pernah memiliki rumah di Pulau Pinang dan di mana-mana negeri di Malaysia (walaupun telah dijual, pemohon suami / isteri adalah tidak layak memohon);
 - (vii) Ahli keluarga (suami / isteri dan anak-anak) dalam tanggungan sekurang-kurangnya lima (5) orang; dan
 - (viii) Pertimbangan khas diberi kepada pemohon (isteri / suami) yang kurang upaya / ibu tunggal / balu-balu bekas anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban semasa dalam tugas.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

22. Nyatakan statistik penipuan atas talian yang telah dilaporkan kepada pihak berkuasa bermula tahun 2020 hingga 2024 mengikut julat umur bagi setiap DUN di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah kerugian yang dialami sepanjang tempoh tersebut?
 - (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini dapat diatasi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Berdasarkan takrifan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), penipuan dalam talian ialah aktiviti jenayah yang dilakukan melalui internet atau teknologi digital, di mana penipu menggunakan pelbagai taktik penipuan untuk mendapatkan maklumat peribadi, kewangan atau harta benda mangsa secara tidak sah. Penipuan atas talian boleh dipecahkan kepada beberapa modus operandi (cara perlakuan jenayah) antaranya adalah penipuan e-dagang, *e-financial*, *love scam*, pelaburan, pinjaman tidak wujud dan penipuan telekomunikasi contohnya seperti *phone scam*. Statistik penipuan atas talian bagi tahun 2020 sehingga 2024 yang dilaporkan di kontinjen Pulau Pinang menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Daripada statistik ini, julat umur yang paling tinggi menjadi mangsa dalam penipuan atas talian bagi tempoh 2020 sehingga 2024 adalah daripada julat umur 21 - 40.

Daripada statistik ini, golongan umur 21 - 40 adalah golongan yang banyak terdedah dengan internet dan teknologi terkini. Ini merupakan punca utama dalam menyumbang golongan umur ini menjadi sasaran utama kepada jenayah atas talian yang semakin

meningkat. Salah satu cara yang boleh digunakan adalah dengan menyemak akaun, nombor telefon dan syarikat terlibat sebelum berurusan dengan menggunakan aplikasi 'semak mule' yang dibangunkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dalam membantu untuk membanteras kes-kes penipuan atas talian. Statistik penipuan atas talian dari tahun 2020 sehingga 2024 mengikut pecahan modus operandi (cara perlakuan jenayah) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Kerugian yang dialami dari pelbagai penipuan atas talian dari tahun 2020 sehingga tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM memandang serius isu-isu berkaitan penipuan atas talian ini PDRM sentiasa memberi perhatian serius terhadap kes-kes jenayah dalam talian yang berlaku kerana ia melibatkan jumlah kerugian yang besar dan turut memberi impak kepada ekonomi negara. PDRM pada ketika ini menguatkuasakan perundangan sedia ada bagi membanteras jenayah melibatkan penipuan dalam talian. Jenayah penipuan dalam talian ini dikategorikan kepada enam (6) jenis jenayah iaitu:
 - (i) Jenayah Telekomunikasi;
 - (ii) Jenayah E- Kewangan;
 - (iii) Jenayah *Love Scam*;
 - (iv) Jenayah E-Dagang;
 - (v) Jenayah Tipu Pelaburan Tidak Wujud; dan
 - (vi) Jenayah Pinjaman Tidak Wujud.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan melalui kerjasama bersepadu dengan pelbagai agensi.

Salah satu pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam

menangani jenayah penipuan atau *scam* yang semakin membimbangkan adalah dengan menubuhkan Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*) yang telah beroperasi semenjak 12 Oktober 2022 yang menggabungkan kerjasama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre, NFCC*), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

NSRC menghimpunkan sumber dan kepakaran daripada kesemua pihak bagi membanteras penipuan kewangan dengan lebih cepat dan berkesan. NSRC berfungsi menyelaraskan tindak balas oleh agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi kewangan dan syarikat perkhidmatan telekomunikasi bagi mencegah mangsa daripada menghadapi kerugian kewangan. Selain itu, NSRC juga berusaha mengesan dana yang telah dicuri, menjalankan siasatan terhadap jenayah penipuan tersebut dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah serta membuat pemulangan wang yang telah disekat (*earmarked*) kepada mangsa.

Selain itu, bagi meningkatkan keupayaan PDRM dalam mengekang ancaman siber, unit-unit khas di Bukit Aman diwujudkan bagi menyiasat kes-kes jenayah siber. Antaranya di Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) di mana terdapat pelbagai unit dengan pelbagai kepakaran ditubuhkan seperti berikut:

- (i) Unit Siasatan Forensik Digital yang berfungsi sebagai unit menganalisa peranti-peranti digital yang terlibat dengan kes jenayah siber;
- (ii) *Unit Police Cyber Investigation Response Centre (PCIRC)* yang berperanan untuk membuat pemantauan media sosial bagi kes-kes 3R (*Religion, Race, Royalty*) dan isu *scammer* di Malaysia;
- (iii) *Unit National Scam Response Center (NSRC)* yang bertanggungjawab dalam menguruskan siasatan bagi kes-kes penipuan atas talian yang dilaporkan di NSRC; dan
- (iv) Unit Taktikal Siber yang berfungsi untuk menjejaki dan mengesan penjenayah siber.

**Statistik Penipuan Atas Talian Bermula Tahun 2020 Hingga 2024 Mengikut Julat Umur Bagi Setiap Daerah
Mengikut Pecahan Mo Di Pulau Pinang.**

Penipuan E-Dagang

BIL	DAERAH	2020					JUM.	2021					JUM.	2022					JUM.	2023					JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80			1-20	21-40	41-60	61-80			1-20	21-40	41-60	61-80			1-20	21-40	41-60	61-80		
1	TL	29	118	47	3	197	54	261	68	5	388	27	246	65	5	343	30	273	118	11	432				
2	BD	23	70	27	0	120	22	159	45	4	230	15	99	28	2	144	11	103	43	1	158				
3	SPU	9	49	19	0	77	17	124	31	1	173	9	78	26	3	116	6	81	33	3	123				
4	SPT	9	60	16	0	85	9	48	18	0	75	20	89	38	2	149	9	94	31	4	138				
5	SPS	6	29	7	1	43	16	57	18	0	91	7	57	18	3	85	14	109	32	1	156				
JUMLAH		76	326	116	4	522	118	649	180	10	957	78	569	175	15	837	70	660	257	20	1007				

Penipuan *E-Financial*

BIL	DAERAH	2020				JUM.	2021				JUM.	2022				JUM.	2023				JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80	
1	TL	0	5	0	0	5	3	12	11	0	26	1	20	11	0	32	1	22	25	4	52
2	BD	0	1	0	2	3	1	9	4	0	14	0	8	9	0	17	1	10	13	3	27
3	SPU	1	1	2	2	6	3	5	8	2	18	2	10	12	2	26	1	5	11	1	18
4	SPT	0	6	3	0	9	0	1	0	0	1	2	5	4	0	11	3	8	13	1	25
5	SPS	0	0	1	0	1	0	3	2	0	5	0	2	0	0	2	0	4	5	0	9
JUMLAH		1	13	6	4	24	7	30	25	2	64	5	45	36	2	88	6	49	67	9	131

Penipuan *Love Scam*

BIL	DAERAH	2020					JUM.	2021					JUM.	2022					JUM.	2023					JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80	1-20		21-40	41-60	61-80	1-20	21-40		41-60	61-80	1-20	21-40	41-60		61-80					
1	TL	1	29	18	2	50	3	20	21	5	49	2	9	11	4	26	1	16	17	6	40				
2	BD	3	14	7	0	24	3	19	11	3	36	0	2	4	1	7	0	3	3	2	8				
3	SPU	0	13	9	1	23	0	10	12	0	22	0	1	4	2	7	0	5	0	1	6				
4	SPT	1	12	9	3	25	0	6	3	0	9	0	3	3	2	8	1	3	3	1	8				
5	SPS	0	4	3	0	7	0	5	6	2	13	0	1	0	0	1	0	7	3	0	10				
JUMLAH		5	72	46	6	129	6	60	53	10	129	2	16	22	9	49	2	34	26	10	72				

Penipuan Pelaburan

BIL	DAERAH	2020				JUM.	2021				JUM.	2022				JUM.	2023				JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80	
1	TL	1	39	25	3	68	6	97	61	10	174	2	53	31	0	86	4	100	63	22	189
2	BD	0	14	10	0	24	5	35	24	0	64	3	31	10	0	44	2	37	28	5	72
3	SPU	5	17	13	0	35	3	41	24	3	71	4	33	15	6	58	1	22	26	6	55
4	SPT	2	11	8	0	21	2	39	22	2	65	3	33	17	0	53	5	35	42	17	99
5	SPS	3	10	3	0	16	1	23	8	0	32	1	22	11	0	34	3	29	21	3	56
JUMLAH		11	91	59	3	164	17	235	139	15	406	13	172	84	6	275	15	223	180	53	471

Penipuan Pinjaman Tidak Wujud

BIL	DAERAH	2020					JUM.	2021					JUM.	2022					JUM.	2023					JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80	1-20		21-40	41-60	61-80	1-20	21-40		41-60	61-80	1-20	21-40	41-60		61-80					
1	TL	10	144	47	7	208	5	111	37	6	159	4	58	18	2	82	3	102	47	3	155				
2	BD	3	76	26	2	107	5	69	16	0	90	1	39	11	1	52	2	54	10	0	66				
3	SPU	5	41	23	0	69	5	46	14	1	66	0	31	6	0	37	1	39	11	0	51				
4	SPT	2	42	34	3	81	2	30	14	1	47	2	37	10	2	51	1	36	12	0	49				
5	SPS	3	39	11	1	54	3	31	8	1	43	1	30	4	0	35	2	35	10	0	47				
JUMLAH		23	342	141	13	519	20	287	89	9	405	8	195	49	5	257	9	266	90	3	368				

Penipuan Telekomunikasi

BIL	DAERAH	2020				JUM.	2021				JUM.	2022				JUM.	2023				JUM.
		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80		1-20	21-40	41-60	61-80	
1	TL	13	119	94	41	267	21	208	112	55	396	11	124	105	40	280	29	197	118	44	388
2	BD	3	56	43	13	115	8	86	45	13	152	2	80	39	3	124	3	89	58	23	173
3	SPU	0	33	26	14	73	11	61	42	5	119	3	64	44	8	119	3	70	33	14	120
4	SPT	2	57	54	15	128	3	34	24	12	73	9	77	29	6	121	12	92	42	11	157
5	SPS	3	27	13	1	44	11	47	16	2	76	4	36	18	4	62	7	64	35	4	110
JUMLAH		21	292	230	84	627	54	436	239	87	816	29	381	235	61	706	54	512	286	96	948

**Jumlah Kerugian Kes Penipuan Atas Talian Mengikut Pecahan Daerah Dan Modus Operandi
Bagi Tahun 2020 Hingga 2024**

Tahun 2020

DAERAH	2020					JUM. (RM)
	TL	BD	SPU	SPT	SPS	
E-DAGANG	1,719,675.55	424,088.60	556,610.09	772,294.66	306,219.80	3,778,888.70
E-FINANCIAL	177,621.50	726,459.00	82,775.39	805,897.88	29,993.00	1,822,746.77
LOVE SCAM	2,808,933.30	197,425.00	527,473.00	1,353,564.05	334,789.00	5,222,184.35
PELABURAN	8,443,178.91	946,682.13	3,447,989.62	1,944,499.68	507,728.83	15,290,079.17
PTW	1,942,133.20	1,211,287.82	648,334.03	1,592,528.22	445,116.59	5,839,399.86
TELEKOMINIKASI	7,037,220.72	3,957,722.43	2,627,281.34	3,694,417.93	854,740.01	18,171,382.43
JUMLAH	22,128,763.18	7,463,664.98	7,890,463.47	10,163,202.42	2,478,587.23	50,124,681.28

Tahun 2021

DAERAH	2021					JUM. (RM)
	TL	BD	SPU	SPT	SPS	
E-DAGANG	3,157,727.15	1,480,848.19	1,485,450.41	1,008,379.86	392,016.00	7,524,421.61
E-FINANCIAL	1,904,758.59	3,940,901.95	1,689,898.36	379,751.66	3,568,778.77	11,484,089.33
LOVE SCAM	1,973,799.04	946,822.00	974,897.00	1,317,225.00	138,100.00	5,350,843.04
PELABURAN	18,817,639.51	7,279,736.87	5,102,878.26	10,266,192.14	797,474.49	42,263,921.27
PTW	1,608,961.52	746,150.00	781,650.16	1,006,060.02	501,114.04	4,643,935.74
TELEKOMINIKASI	9,220,369.91	2,904,770.21	1,897,172.05	3,597,377.49	1,321,672.66	18,941,362.32
JUMLAH	36,683,255.72	17,299,229.22	11,931,946.24	17,574,986.17	6,719,155.96	90,208,573.31

Tahun 2022

DAERAH	2022					JUM. (RM)
	TL	BD	SPU	SPT	SPS	
E-DAGANG	6,355,697.66	2,295,609.90	1,618,166.65	3,362,075.52	1,102,010.44	14,733,560.17
E-FINANCIAL	14,876,393.17	3,439,342.99	646,100.33	691,738.04	18,082.61	19,671,657.14
LOVE SCAM	5,110,591.00	141,850.00	204,951.00	848,335.00	33,000.00	6,338,727.00
PELABURAN	5,139,931.79	2,417,825.13	2,076,682.68	2,877,174.16	662,067.79	13,173,681.55
PTW	856,034.23	434,877.44	390,929.75	643,690.35	422,936.97	2,748,468.74
TELEKOMINIKASI	8,940,330.19	5,222,991.75	3,805,738.90	4,465,470.24	1,476,100.99	23,910,632.07
JUMLAH	41,278,978.04	13,952,497.21	8,742,569.31	12,888,483.31	3,714,198.80	80,576,726.67

Tahun 2023

DAERAH	2023					JUM. (RM)
	TL	BD	SPU	SPT	SPS	
E-DAGANG	6,583,662.27	2,620,959.72	2,175,428.91	2,702,523.22	2,091,513.26	16,174,087.38
E-FINANCIAL	655,723.15	540,133.62	325,928.75	916,027.17	28,651.22	28,651.22
LOVE SCAM	2,344,242.13	217,650.00	79,487.00	199,147.00	74,320.00	2,914,846.13
PELABURAN	15,537,145.81	4,944,024.35	3,379,994.85	12,134,603.46	3,589,365.60	39,585,134.07
PTW	1,468,450.23	784,073.08	577,754.10	621,611.72	301,300.16	3,753,189.29
TELEKOMINIKASI	11,731,312.14	10,262,536.63	5,279,754.70	5,953,415.62	1,827,557.51	35,054,576.60
JUMLAH	38,320,535.73	19,369,377.40	11,818,348.31	22,527,328.19	7,912,707.75	97,510,484.69

LAMPIRAN B

Tahun 2024

DAERAH	2024					JUM. (RM)
	TL	BD	SPU	SPT	SPS	
E-DAGANG	2,822,821.25	614,977.16	585,561.35	500,083.30	324,171.30	4,847,614.36
E-FINANCIAL	146,434.43	318,310.97	112,382.11	944,281.64	68,158.90	1,589,568.05
LOVE SCAM	1,336,756.27	438,560.00	426,870.01	592,595.55	64,700.00	2,859,481.83
PELABURAN	31,265,918.45	8,786,317.76	4,214,328.92	10,249,914.95	3,859,807.32	58,376,287.40
PTW	1,329,982.80	478,243.49	939,919.62	552,311.20	188,170.51	3,488,627.62
TELEKOMINIKASI	12,952,929.64	4,491,675.12	2,906,696.94	6,766,523.78	2,057,458.17	29,175,283.65
JUMLAH	49,854,842.84	15,128,084.50	9,185,758.95	19,605,710.42	6,562,466.20	100,336,862.91

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

23. Apakah status projek pembinaan 272 rumah kos rendah satu tingkat di Ladang Caledonia, Nibong Tebal?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina projek rumah kos rendah yang sama di Ladang Sungai Kechil?
 - (b) Senaraikan projek rumah kos rendah lain yang hendak dibina di DUN Sungai Bakap.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Projek perumahan rumah kluster kos rendah Rumah Mampu Milik (RMM A) di Ladang Kalidonia, Nibong Tebal iaitu Taman Kalidonia Indah merupakan projek pembangunan RMM A yang dilaksanakan di atas PT 2195, Mukim 11, Seberang Perai Selatan, tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) oleh Eco Horizon Sdn. Bhd. sebagai syarat pematuhan penyediaan unit RMM A bagi pembangunan di Bandar Cassia, Batu Kawan. Projek RMM A ini melibatkan dua (2) fasa pembangunan iaitu Fasa I (112 unit) dan Fasa II (160 unit) yang dilaksanakan bagi tujuan penempatan semula penduduk-penduduk sedia ada Ladang Kalidonia.

Fasa I telah siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 7 Oktober 2022 serta telah mula diduduki pada bulan tersebut. Manakala pembangunan Fasa II pula masih belum dapat dilaksanakan berikutan terdapat beberapa keluarga yang belum berpindah keluar dari tapak cadangan projek.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan bagi Fasa II ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2025.

- (a) Bagi cadangan projek penempatan semula penduduk Ladang Sungai Kechil, konsep yang sama akan digunapakai seperti mana projek perumahan Ladang Kalidonia iaitu syarat pematuhan penyediaan unit RMM A oleh pihak pemaju akan dibina di atas tapak ini dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk ditawarkan sebagai unit gantian kepada penduduk yang terlibat. Walau bagaimanapun, saiz dan reka bentuk bangunan masih di peringkat kajian dan rundingan awal bersama jabatan/agensi terlibat dengan pihak pemaju.
- (b) Berdasarkan rekod di pangkalan data RMM, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, sebanyak satu (1) projek telah mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan dijangka dapat dibina di DUN Sungai Bakap yang melibatkan sebanyak 152 unit RMM A. Projek pembangunan perumahan ini akan dilaksanakan oleh pemaju swasta di atas Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

24. Senaraikan syarikat yang diberi lesen untuk mengorek pasir di Negeri Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Berapakah jumlah hasil pasir yang dikutip bermula dari tahun 2020 sehingga kini?
 - (b) Berapakah pendapatan Kerajaan Negeri daripada hasil tersebut?
 - (c) Apakah tindakan kerajaan untuk membanteras aktiviti mencuri pasir?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Merujuk kepada rekod pentadbiran ini dan kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang, buat masa ini tiada syarikat yang diberikan permit 4B atau 4C di bawah Seksyen 69 dan 70, Kanun Tanah Negara untuk menjalankan pengorekan pasir di Pulau Pinang.
- (a) Tiada kelulusan di bawah Seksyen 69 dan 70, Kanun Tanah Negara yang diberikan untuk perlombongan pasir sejak tahun 2020 sehingga kini. Oleh yang demikian, tiada hasil pasir yang dikutip dalam tempoh tersebut.
 - (b) Tiada pendapatan yang dapat dikutip memandangkan tiada kelulusan pengorekan pasir.
 - (c) Pemantauan secara bersepadu dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pentadbiran ini bersama-sama jabatan-jabatan

kerajaan yang berkaitan. Aktiviti mencuri pasir secara tidak sah akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426, Kanun Tanah Negara yang mana denda yang tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali boleh diambil terhadap pihak yang melakukan kesalahan itu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

25. Senaraikan kilang-kilang yang ditangkap melakukan pencemaran mengikut kategori pencemaran dari tahun 2022 sehingga kini di Pulau Pinang.
- (a) Apakah tindakan kerajaan dalam memastikan kilang-kilang tidak melakukan pencemaran dan merosakkan alam sekitar?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan tiada tangkapan dibuat ke atas individu yang terlibat dalam melakukan pencemaran sehingga hari ini.
- (a) Sekiranya pencemaran dikesan, tindakan diambil berdasarkan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pindaan 2024. Tindakan arahan di lapangan bagi membasmi pencemaran dengan segera, kompaun, Notis Arahan dan mahkamah mengikut kesalahan yang dilakukan. JAS turut memastikan alat kawalan pencemaran yang dipasang dan dikendalikan mengikut spesifikasi dan had piawaian yang ditetapkan. Operator yang mengendalikan alat kawalan pencemaran juga perlu menjalani latihan dan mendapat sijil kompetensi dari jabatan yang terlibat.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, mereka hanya memainkan peranan dengan memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha kilang supaya tidak melakukan sebarang pencemaran dan merosakkan alam sekitar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

26. Senaraikan sumber pasir dan kuantiti pasir yang diambil untuk projek Seri Tanjung Pinang (STP) 2B, Penang South Island (PSI) dan projek penambakan di Utara dan Selatan Jambatan Kedua Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan sumber air mentah yang akan digunakan untuk menampung permintaan di STP2B dan PSI apabila telah siap kelak.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sumber pasir bagi projek Sri Tanjung Pinang (STP) dan Penang South Island (PSI) diperoleh daripada beberapa tapak perlombongan di **perairan Persekutuan di Perak dan Selangor**. Semua tapak perlombongan pasir mesti memiliki kelulusan Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) sebelum kerja-kerja pengambilan pasir dibenarkan. Kuantiti pasir yang diperlukan adalah seperti berikut:
- (i) **Penang South Island (Pulau A): 100 juta meter padu** (Anggaran kuantiti pasir yang diperlukan bagi kerja-kerja tambakan untuk menambak kawasan seluas 2,300 ekar bagi pembangunan Silicon Island); dan
- (ii) **Sri Tanjung Pinang (STP): 22.6 juta meter padu** (Anggaran kuantiti pasir yang diperlukan bagi kerja-kerja tambakan untuk menambak kawasan seluas 507.19 ekar bagi pembangunan Fasa 2B dan 2C).

- (a) Sumber air mentah utama bagi menampung permintaan projek di Silicon Island dan Sri Tanjung Pinang akan diselaraskan dengan teliti melalui Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP2030) oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Ini termasuk bekalan air daripada Loji Rawatan Air Sungai Dua dan Empangan Teluk Bahang dalam memastikan bekalan air yang mampan dan berterusan. Selain itu, pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 Mei 2024 telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Perak telah memberi persetujuan untuk membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui **projek Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian** sebagai tanda komitmen bersama dalam memastikan **kelestarian bekalan air** bagi menyokong pembangunan masa depan Pulau Pinang.

Sebagai langkah tambahan untuk memenuhi permintaan air yang terus meningkat, beberapa **kaedah lain** turut dipertimbangkan seperti berikut:

- (i) Penggunaan air kitar semula;
- (ii) Sistem penuaian air hujan;
- (iii) Penyahgaraman air laut; dan
- (iv) Penggunaan *Greywater*.

Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memastikan bekalan air yang mampan dan berterusan bagi menyokong pembangunan Pulau Pinang pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

27. Senaraikan projek-projek dan perkara-perkara yang tidak patuh syarat Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dilaporkan dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan projek-projek yang tertangguh disebabkan ketidakpatuhan EIA.
 - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Jumlah keseluruhan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga tahun ini adalah sebanyak 157 manakala jumlah senarai projek EIA yang tidak diluluskan adalah sebanyak 63. Perincian senarai projek-projek dan perkara-perkara yang tidak patuh syarat Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dilaporkan dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Berdasarkan data dari JAS sehingga kini, tiada projek-projek yang tertangguh disebabkan ketidakpatuhan EIA.
 - (b) Langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah berkaitan EIA adalah seperti berikut:

- (i) Satu seminar (EIA) berkaitan kelestarian dalam aktiviti industri dan pembangunan telah diadakan 16 Julai 2024 dimana seminar ini menghimpunkan pelbagai pemain-pemain industri dan pemaju khususnya di Pulau Pinang. Seminar ini bertujuan sebagai perkongsian maklumat, idea, perbincangan serta secara langsung mewujudkan kesedaran kepatuhan kepada laporan EIA oleh pihak yang terlibat;
- (ii) Kerajaan Negeri melalui JAS akan sentiasa melakukan tinjauan dan pemeriksaan secara berkala kepada setiap projek melalui proses rutin seperti pemeriksaan lapangan, notis arahan, kompaun, kertas siasatan dan juga perintah larangan; dan
- (iii) JAS telah membuat pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (pindaan 2024) dan berkuatkuasa mulai 7 Julai 2024 iaitu denda adalah tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan-kesalahan tertentu serta pemenjaraan mandatori agar pihak penggerak projek melaksanakan pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA dengan serius bagi memastikan impak alam sekitar dapat dikawal dengan efektif.

SENARAI PROJEK EIA YANG TIDAK DILULUSKAN

TAHUN	JUMLAH LAPORAN EIA DITERIMA	JUMLAH LAPORAN EIA DITERIMA	FAKTOR LAPORAN EIA TIDAK DILULUSKAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (AKAS 1974)	
			SUBSEKSYEN 34A(4)(a), AKAS1974	SUBSEKSYEN 34A(4)(b), AKAS 1974
2020	11	3	1	2
2021	27	8	0	8
2022	40	22	3	19
2023	53	19	4	15
2024	26	11	0	11
JUMLAH	157	63	8	55

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

28. Senaraikan bilangan rumah-rumah yang tidak terjual mengikut kategori dan daerah di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah rumah, hartanah dan bangunan yang telah dijual kepada warga asing mengikut daerah sejak tahun 2020 hingga sekarang?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal penjualan rumah dalam memastikan rakyat negeri ini diutamakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Unit tidak terjual ini adalah dibahagi kepada dua (2) kategori iaitu unit siap dan tidak terjual melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Compliance and Completion* - CCC) serta unit tidak terjual dalam pembinaan. Sehingga Sukuan Kedua Tahun 2024, terdapat sejumlah **14,344 unit** yang **tidak terjual** di Negeri Pulau Pinang yang merangkumi kedua-dua kategori tersebut. Perincian bagi unit yang tidak terjual adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) hanya melakukan kawalan ke atas urusan penawaran dan penjualan Rumah Mampu Milik (RMM) di mana syarat utama untuk memiliki RMM di Negeri Pulau Pinang mestilah **warganegara Malaysia**. Lanjutan itu, pihak LPNPP tidak mengeluarkan sebarang tawaran RMM kepada

warga asing dan tidak menyimpan atau merekodkan maklumat jual beli hartanah yang melibatkan warga asing.

- (b) Dalam usaha Kerajaan Negeri bagi mengawal penjualan rumah dalam memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang diutamakan, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah melaksanakan **permohonan RMM secara dalam talian** di portal www.lpnpp.gov.my bermula pada **1 Ogos 2023**, di mana semua permohonan dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan dasar di mana **pengemaskinian setiap tiga (3) tahun** diperlukan bagi setiap permohonan RMM. Berikutan itu, LPNPP telah mempergiatkan usaha seperti hebahan kepada orang awam melalui platform media sosial, akhbar dan pameran. Mulai bulan Januari 2025, LPNPP akan meneruskan **inisiatif** untuk melaksanakan **pemurnian data** dengan membuat penyisihan data yang tidak aktif melebihi lima (5) tahun bagi memperkukuhkan data permohonan dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) LPNPP.

LAMPIRAN A

Jadual 1: Perincian berkenaan unit tidak terjual di Negeri Pulau Pinang mengikut julat harga.

Julat Harga (RM)	Jumlah Unit Tidak Terjual yang Siap Dibina		Jumlah Unit Tidak Terjual Dalam Pembinaan	
	Q1	Q2	Q1	Q2
300,000 ke bawah	466	419	1,420	1,154
300,001-500,000	751	655	2,295	2,052
500,001-800,000	319	215	810	700
800,001-1,000,000	406	383	24	134
1,000,000 ke atas	780	728	385	248
Jumlah	2,722	2,400	4,934	4,288
	5,122		9,222	
Jumlah Keseluruhan	14,344			

Jadual 2: Perincian berkenaan unit tidak terjual mengikut setiap Daerah di Negeri Pulau Pinang

Daerah	Jumlah Unit Tidak Terjual yang Siap Dibina		Jumlah Unit Tidak Terjual Dalam Pembinaan	
	Q1	Q2	Q1	Q2
Daerah Barat Daya	893	846	792	770
Daerah Timur Laut	1,105	1,160	1,636	1,474
Daerah Seberang Perai Utara	404	260	134	144
Daerah Seberang Perai Tengah	297	113	386	346
Daerah Seberang Perai Selatan	23	21	1,986	1,554
JUMLAH	2,722	2,400	4,934	4,288
	5,122		9,222	
JUMLAH KESELURUHAN	14,344			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

29. Nyatakan statistik jumlah kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada pihak berkuasa bermula tahun 2020 hingga 2024 mengikut DUN di Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak tersebut dan memastikan perkara ini dapat diatasi?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Statistik jumlah penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada pihak berkuasa bermula tahun 2020 hingga 2024 di Pulau Pinang adalah berjumlah 237 kes seperti **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah giat menjalankan kempen hentikan keganasan terhadap keluarga termasuk kanak-kanak. Tahun ini merupakan tahun yang ke-11 Negeri Pulau Pinang menganjurkan kempen *Penang Goes Orange* selama 16 hari. Pada tahun ini, kempen *Penang Goes Orange* telah mengangkat tema Keganasan Seksual Dalam Talian atau *Online Sexual Violence* yang bertujuan untuk mencapai objektif berikut:
- (i) Meningkatkan kesedaran tentang gejala seksual dalam talian terhadap remaja dan belia;
- (ii) Memperkukuhkan solidariti dalam menangani keganasan terhadap wanita dan gadis;

- (iii) Mendidik orang awam tentang mekanisme laporan yang tersedia dan sokongan psikososial; dan
- (iv) Menegaskan penggunaan teknologi dan internet yang bertanggungjawab.

Selain itu, langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak yang terlibat dengan kes pengabaian dan penderaan adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan kempen kesedaran secara bergerak daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai kesan dan akibat dari penganiayaan terhadap kanak-kanak kepada masyarakat. Kempen ini memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat mengenai bahaya kepada perkembangan seorang kanak-kanak jika pengabaian berterusan dilakukan;
- (ii) Menguatkuasa undang-undang mengenai kesalahan terhadap pengabaian kanak-kanak. Menekankan hukuman yang tinggi akan dikenakan terhadap kesalahan pengabaian kanak-kanak;
- (iii) Memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kanak-kanak perlu dilindungi dan disayangi. Jiran tetangga perlu peka dengan keadaan semasa di kawasan kejiranan dan segera melaporkan kegiatan pengabaian kanak-kanak kepada pihak berkuasa; dan
- (iv) Pihak pelindung JKM dan PDRM membuat pemantauan dan pemeriksaan segera di kawasan setempat jika terdapat sebarang aduan mengenai pengabaian terhadap kanak-kanak yang dilaporkan.

**STATISTIK JUMLAH KES PENDERAAN KANAK-KANAK YANG
DILAPORKAN DARI TAHUN 2020 HINGGA 2024 DI PULAU PINANG**

DAERAH	TAHUN					JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024 (JAN - OKT)	
TIMUR LAUT	8	12	16	24	20	80
BARAT DAYA	3	7	6	9	15	40
SEBERANG PERAI UTARA	3	5	6	10	17	41
SEBERANG PERAI TENGAH	12	10	6	10	7	45
SBG PERAI SELATAN	7	2	8	4	10	31
JUMLAH	33	36	42	57	69	237

Sumber :Sistem IPRS bertarikh 07 November 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

30. Senaraikan sungai-sungai yang boleh digunakan sebagai tempat rekreasi oleh rakyat di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan sungai-sungai yang berpotensi untuk dijadikan kawasan rekreasi.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam membaik pulih sungai untuk dijadikan tempat rekreasi?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. (a) Antara sungai yang boleh digunakan dan berpotensi untuk dijadikan kawasan rekreasi di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- i) Seberang Perai Selatan
 - 1) Sungai Udang, Kuala Hj Ibrahim
 - 2) Sungai Kerian, Ampang Jajar
 - 3) Sungai Kerian, Kg Teluk.Ipil
 - 4) Sungai Ayer Itam, Chenaam
 - ii) Seberang Perai Tengah
 - 1) Sungai Juru

- 2) Sungai Perai
 - iii) Seberang Perai Utara
 - 1) Sungai Muda
 - 2) Sungai Lahar Endin
 - 3) Sungai Jarak
 - 4) Sungai Kulim
 - 5) Sungai Perai
 - iv) Barat Daya
 - 1) Sungai Air Terjun Paklah
 - 2) Sungai Pinang
 - 3) Sungai Ara
 - 4) Sungai Titi Teras
 - 5) Sungai Titi Kerawang
 - v) Timur Laut
 - 1) Sungai Pinang - Taman Rekreasi Muara Sungai Pinang
 - 2) Sungai Kelian - *River Trail Rainbow Walk*
 - 3) Sungai Air Terjun - *Botanical Garden*
- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang adalah dengan menjalankan kerja-kerja membina/menaik taraf denai sungai di beberapa sungai di Negeri Pulau Pinang dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) bagi menangani cabaran sosio-alam sekitar menerusi pengurusan dan penggunaan alam secara lestari demi memelihara dan memulihara keindahan

sungai. Program ini sekali gus membantu mengawal risiko dari aktiviti pencemaran. JPS Pulau Pinang turut mengambil kira aspek rekreasi sebagai nilai tambah dalam pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian.

Kerajaan Negeri turut menyokong Pesta Sungai yang diadakan di Kampung Terus, Penanti pada 28 hingga 29 September 2024 yang menyaksikan pelbagai aktiviti antara lainnya gotong-royong membersihkan sungai, mengecat semula dinding penahan dan balai lintang, memasak menu kampung serta menanam pokok kunang-kunang di kawasan sekitar. Acara bersukan seperti pelayaran sungai, permainan tradisional, berkayak dan juga melepaskan benih ikan juga turut diadakan.